

Bumiputera masih kecil dalam industri perkayuan


Oleh MUHD. SHAHIZAM TAZALI
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 21 April - Sumbangan bumiputera dalam sektor eksport hasil perkayuan masih rendah berbanding keseluruhan jumlah eksport industri kayu yang bernilai RM22.11 bilion tahun lalu.

Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Datuk Dr. Jalaluddin Harun berkata, sumbangan bumiputera hanya mewakili 1.74 peratus sahaja daripada jumlah tersebut.

Jelas beliau, sehubungan itu MTIB dan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) sentiasa mencari inisiatif bagi memajukan industri perkayuan dan meningkatkan tahap daya saing di pasaran tempatan dan antarabangsa untuk syarikat bumiputera.

"Satu program latihan yang melibatkan kerjasama antara usahawan bumiputera dan bukan bumiputera akan dilaksanakan dalam skala lebih besar. Program Skim Usahawan Perabot Bumiputera atau Superbumi akan di-



ANYI NGAU (tiga dari kanan) dan Dr. Jalaluddin Harun (dua dari kanan) melihat dari dekat perabot ketika melawat pameran selepas merasmikan Pameran Perabot dan Gaya Hidup Berasaskan Kayu di Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA

laksanakan tahun ini untuk tempoh empat tahun bagi melahirkan lebih ramai vendor-vendor bumiputera.

"Kajian rintis yang dijalankan menunjukkan hasil positif dengan sembilan daripada 10 orang yang menyertainya berjaya masuk



Malaysia adalah pengeksport perabot kelapan terbesar di dunia tetapi masih ketinggalan di belakang Vietnam yang berada di tempat kelima.

JALALUDDIN HARUN
Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

dalam industri," katanya dalam sidang akhbar di majlis perasmian Pameran Perabot dan Gaya Hidup Berasaskan Kayu 2017 di sini hari ini. Yang turut hadir Pengurus MITB, Anyi Ngau.

Jalaluddin berkata, sekiranya usahawan bumiputera diberikan bantuan dari segi teknologi terkini, pemasaran dan bimbingan, produktiviti mereka boleh meningkat sehingga 105 peratus.

Ketika ini katanya, Malaysia adalah pengeksport perabot kelapan terbesar di dunia tetapi masih ke-

tinggalan di belakang Vietnam yang berada di tempat kelima.

Beliau menambah, bagi merealisasikan hasrat negara untuk mencapai 60 peratus eksport produk kayu bernilai tambah tinggi menjelang 2020, semua pihak perlu menumpukan kepada Penghasilan Jenama Sendiri (OBM).

"Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah membangunkan Program Rekabentuk Perabot di bawah label Tanggam dan menempatkan pemain-pemain industri di institut pengajian tinggi seperti di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) untuk melahirkan pekerja mahir.

"Kita perlu ambil contoh negara Itali yang menjadikan kerjaya rekaan perabot sebagai punca pendapatan yang mampu memberikan pulangan lumayan berbanding menjual perabot," katanya.

Tegas beliau, pihaknya menyasarkan pada 2020 jumlah sumbangan bumiputera kepada hasil eksport hasil perkayuan akan meningkat kepada tiga peratus hingga lima peratus dengan nilai antara RM3 bilion hingga RM5 bilion.